

17 JUL 1996

PELUANG SAMPAIKAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA PM

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Sebuah sekretariat telah ditubuhkan oleh Kelab Cinta Malaysia untuk menerima mesej daripada orang ramai yang berhasrat menyuarakan rasa hati serta mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena genap 15 tahun beliau memimpin negara.

Pentadbir kelab Encik Nadzim Johan berkata sekretariat itu dibuka dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara di Tingkat 19, Wisma Bumiraya Jalan Raja Laut di sini.

Ia menerima semua ucapan sama ada dalam bentuk surat, poskad atau faks sehingga hujung bulan ini. Sekretariat itu boleh dihubungi menerusi telefon 03-2930400 atau faks 2939161.

Nadzim berkata sekretariat itu bersedia menerima ucapan daripada segenap lapisan masyarakat termasuk rakyat asing yang ingin menyatakan penghargaan, pandangan serta ucapan tahniah kepada Dr Mahathir.

Segala ucapan yang dikumpul akan dijilid mengikut kategori tertentu seperti umur, profesion dan warganegara sebelum diserahkan kepada Dr Mahathir. -- BERNAMA

AKT RON